



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

BICARA NEGARAWAN TUN DR. TUN ISMAIL AL-HAJ

TEMA

'NEGARAWAN BERINTEGRITI'

8 NOVEMBER 2023 (RABU)

2.15 PETANG

**DEWAN UTAMA, MEMORIAL TUN HUSSEIN ONN
KUALA LUMPUR**

**Selamat Petang, Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan
Salam Malaysia MADANI.**

SALUTASI

**Salutasi terkini disediakan secara berasingan*

PENDAHULUAN

1. Hari ini, kita bersama-sama di Memorial Tun Hussein Onn bagi menyaksikan **Program Bicara Negarawan: Tun Dr. Ismail dengan tema ‘Negarawan Berintegriti’**. Tahun ini genap 50 tahun pemergian Allahyarham Tun Dr. Ismail. Malah 4 November yang lalu adalah hari ulang tahun kelahiran beliau yang ke 108.

2. Program ini juga adalah usaha Kementerian untuk menyebarluas maklumat sejarah kepada masyarakat mengenai ketokohan Tun Dr. Ismail, seorang negarawan yang disegani seterusnya **mendidik generasi muda mengenai sumbangannya Tun Dr. Ismail dalam pembangunan negara dan keharmonian masyarakat yang berbilang kaum**.

3. Peranan belia telah menjadi amanat terakhir beliau sebelum menghembuskan nafas, **Dr Ismail menyifatkan belia sebagai force** atau tenaga yang kuat sama ada dalam usaha membina sebuah negara maju atau sebaliknya untuk meruntuhkan negara.
4. Sebagai warganegera Malaysia, kita seharusnya menghargai dan mengenang jasa ikon ini yang telah berusaha memperkenalkan Malaysia di mata dunia selepas kemerdekaan tercapai.

RUKUN NEGARA HADIAH TUN DR. ISMAIL BUAT NEGARA

5. Tidak dapat menafikan bahawa **sifat integriti, bersih dan ketekahanan Tun Dr. Ismail telah membayangi dan melindungi negara**. Beliau meletakkan negara di atas segala-galanya. Iltizamnya untuk memastikan Malaysia menjadi sebuah negara pelbagai kaum yang berkongsi matlamat serta tujuan terbukti dengan usahanya menggubal serta mempromosikan Rukun Negara.
6. **Rukun Negara yang menjadi falsafah kebangsaan dalam memupuk semangat perpaduan antara kaum di negara ini antara legasi negarawan Allahyarham Tun Dr Ismail Abdul Rahman kepada rakyat Malaysia semasa penglibatannya dalam Majlis Gerakan Negara (MAGERAN).** Beberapa dasar

baru telah diperkenalkan bertujuan merapatkan jurang ekonomi dan mewujudkan keharmonian antara kaum. Melalui Majlis Perundingan Negara, **dasar ekonomi telah diperkenalkan menerusi Dasar Ekonomi Baru dan dasar perpaduan pula telah dilancar menerusi Rukun Negara.**

7. Rukun Negara telah digubal sebagai **pengikat perasaan dan pembina semangat cintakan negara dalam kalangan rakyat pelbagai kaum**. Matlamat utama pembentukan Rukun Negara ialah membina perpaduan kukuh dalam kalangan rakyat Malaysia. Tiga elemen yang dipegang Allahyarham dalam memperkuuh perpaduan ialah menekankan bahawa perlunya:
 - **pergaulan dengan semua bangsa**
 - **mengenali antara satu sama lain**
 - **saling memahami budaya antara kaum**
8. Rententan ini, Kementerian Perpaduan Negara telah melipatgandakan usaha dan inisiatif penghayatan terhadap Rukun Negara melalui **Explorasi Rukun Negara** dengan pelaksanaan **Dialog Anak Muda; Ekspresi Rukun Negara; Muzikal Eksplorasi Rukun Negara; Hero Impian Untuk Malaysia; Pameran Mini Rukun Negara; Kisah Kejayaan Malaysia Kita; dan Kapsul Suara Anak Malaysia**. Inisiatif ini

akan disebarluas dan diberikan tumpuan khusus di kawasan bandar pada tahun 2024.

9. Tun Dr. Ismail sememangnya tokoh negarawan yang luar biasa. Dijulang sebagai negarawan yang tiada galang ganti, Tun Dr Ismail disifatkan sebagai tokoh sebenar yang **berhemah tinggi, berintegriti, tegas, sangat ikhlas dan sedia untuk menyumbang tenaga dan khidmat bakti demi negara pada sebilang masa.**
10. Ketegasan dan integriti beliau dalam memimpin negara wajar dicontohi oleh masyarakat khususnya generasi muda. Mempunyai sifat integriti yang kukuh dalam diri mampu menangani masalah sosial, penyelewengan dan salah guna kuasa dan seterusnya melahirkan **masyarakat MADANI yang bersatu padu dan saling menghormati tidak kira bangsa, agama dan budaya.**

Tuan-tuan, Puan-puan dan hadirin yang dihormati sekalian.

PENUTUP

11. Saya menzahirkan setinggi harapan agar jasa dan pengorbanan Allahyarham bukan sahaja menjadi sumber inspirasi dan teladan seluruh rakyat Malaysia, malah juga

wajib dicontohi para pemimpin masyarakat dan politik demi kemakmuran dan kesejahteraan negara tercinta.

12. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya mengalu-alukan semua rakyat Malaysia untuk melawat **Memorial Negarawan yang turut menempatkan 7 tokoh negara**:

- **Tun Dr Ismail Abdul Rahman**
- **Tun Tan Cheng Lock**
- **Tun V T Sambathan**
- **Tun Temenggung Jugah Anak Barieng**
- **Tun Datu Mustapha Datu Harun**
- **Tun Mohd Fuad Stephens**
- **Tun Dr Lim Chong Eu**

13. Pembinaan memorial itu sebagai pengiktirafan di atas sumbangan mereka yang turut membantu mewujudkan Malaysia menjadi negara maju, aman, bersatu padu dan bertoleransi.

14. Semoga dengan usaha ini, **kesepaduan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat Malaysia MADANI dapat dikenalkan**. Ini selaras dengan matlamat yang digariskan dalam Dasar Perpaduan Negara iaitu dapat membentuk

identiti nasional dengan semangat jati diri, patriotik, prihatin, toleransi saling menghormati dan bertanggungjawab.

15. Akhir kata, saya sekali lagi mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih serta syabas kepada Arkib Negara Malaysia kerana menjayakan program bicara negarawan ini. Dengan itu, **saya dengan sukacitanya merasmikan Program Bicara Negarawan: Tun Dr. Ismail Negarawan Berintegriti.**

Sekian, terima kasih.